

Politik Melayu di persimpangan

KU HASNAN KU HALIM

Politik bukanlah perkara yang asing di Malaysia. Politik di Malaysia bermula sewaktu orang Melayu mula bangun menentang Malayan Union pada tahun 1946. Sejak dari hari tersebut, parti politik di Malaysia mula berkembang dan bertambah sehingga ke hari ini.

Pembentukan negara bangsa merupakan satu usaha yang paling mencabar bagi sesebuah negara yang mempunyai kumpulan kaum majmuk. Kontrak sosial merangkumi aspek politik, ekonomi, budaya, pendidikan, agama dan hukum.

Di Malaysia, kontrak sosial wujud di antara orang Melayu dengan orang Cina dan India yang pada hari ini merangkumi Melayu dan Bumiputera Sabah/Sarawak. Ia adalah bertujuan menyelesaikan perbezaan kepentingan diri atau kelompok masing-masing, memastikan kepentingan majoriti dan minoriti diambil kira tanpa menjejaskan hak dan kepentingan masing-masing, memastikan per-

setujuan yang dicapai kekal dan diwarisi turun-temurun kerana persetujuan dianggap memenuhi kepentingan yang berpanjangan dan memastikan setiap pihak yang bersetuju mematuhi dan menyampaikan kepada generasi seterusnya agar ia tidak bercanggah pada masa depan.

Kontrak sosial adalah persetujuan yang dicapai sebelum merdeka dalam kalangan para pemimpin Melayu, Cina dan India melalui parti-parti politik yang mereka wakili, Umno, MCA dan MIC. Kontrak sosial harus difahami sekurang-kurangnya tentang hubungan kaitnya kepada empat perkara utama iaitu Perlembagaan, kemerdekaan, hubungan kaum dan sistem pemerintahan negara.

Kontrak sosial juga asas kepada sistem pemerintahan yang menjadikan kita negara demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan dengan konsep negeri dan Persekutuan. Selain itu, Perlembagaan Persekutuan diwujudkan hasil daripada kontrak sosial yang dilahirkan daripada permuafakatan pelbagai

kaum di negara ini. Perlembagaan itulah juga yang mentakrifkan negara kita serta menentukan sifat bangsa dan negara Malaysia. Perlembagaan juga mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Islam sebagai agama rasmi dan sistem pemerintahan beraja.

Keadaan politik di Malaysia sedang menuju kepada suatu bentuk transisi, sama ada ke arah menuju kepada bentuk politik seperti yang dikehendaki oleh Pakatan Harapan ataupun akan balik kepada bentuk BN.

Sejarah kontrak sosial iaitu pengorbanan orang Melayu memberi taraf hampir satu juta kepada kaum Cina dan India pada tahun 1958 serta mengiktiraf penguasaan ekonomi bukan Melayu dan sebagai balasan orang bukan Melayu mengiktiraf hak istimewa orang Melayu seperti agama Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu bahasa kebangsaan dan ketuanan Melayu iaitu Melayu sebagai peribumi.

Jika Pakatan Rakyat dan BN masih bertegas dengan fahaman politik masing-masing, maka politik

Malaysia tidak akan ke mana.

Politik cara demonstrasi jalanan, maki hamun, cabar-mencabar dan lain-lain akan mengheret masyarakat kepada keadaan anarki atau ketidakenteraman dan ketidakharmonian antara kaum. Bukan semua intelektual Melayu menyokong hak istimewa Melayu, Raja-raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan ideologi yang dibawa oleh Umno.

Secara keseluruhannya, dapat dinilai bahawa amalan sosial yang telah diamalkan oleh Malaysia sejak 60 tahun yang lampau sebenarnya dapat mencorakkan negara bangsa Malaysia.

Usaha kerajaan sejak dari terciptanya kontrak sosial merupakan satu usaha utama yang dijadikan pegangan untuk menggubal dasar-dasar pembangunan negara untuk mencapai matlamat dan seterusnya dapat membentuk negara bangsa yang mengutamakan perpaduan.

Kontrak sosial ternyata berjaya membawa semua kaum di Malaysia supaya menghormati setiap hak yang telah ditetapkan oleh Perlem-

bagaan. Namun begitu, disebabkan kepercayaan sesetengah kaum yang masih ingin mengekalkan kepentingan sendiri seperti kepentingan budaya asal sehingga tidak mahu menerima budaya lain telah membantutkan usaha kerajaan.

Kelakuan sesetengah pemimpin politik yang ingin menjaga status diri banyak mengurangkan kepercayaan sesetengah kaum terhadap usaha kerajaan.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum adalah penting untuk menjaga keharmonian - semua rakyat dapat hidup bersatu padu, setia dan cinta akan negara.

Justeru, dalam mewujudkan sebuah negara bangsa Malaysia, elemen sistem sosial yang terkandung dalam kontrak sosial perlu dititikberatkan dan dipelihara agamanya ia terus kekal sejahtera, makmur serta bahagia.

** Penulis ialah Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Sosial
Pusat Pengajian Ummu
Universiti Tun Hussein Onn*